
Title	Ucapan penutup disampaikan kepada Seminar Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1988 Muhammad Ariff bin Ahmad

طاج محمد عارف أحمد
Haji Muhammad Ariff Ahmad

ucapan PENUTUP
disampaikan kepada
seminar persatuan guru-guru bahasa melayu
di dewan persidangan singapura
Ahad 3 Januari 1988; 1230

Alhamdulillah bahawa akhirnya selesailah acara pelancaran penubuhan PGBM [Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu] dan seminar mukadimah ini. Syukurlah bahawa dengan izin Allah subhanahu wa taala, segala yang dirancang dan diaturkan oleh penganjur pertemuan ini telah selamat dilaksanakan.

Pernah saya dengar bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menganjurkan supaya hari-hari kita yang 24 jam itu harus kita lalui untuk 3 perkara yang sama bagi iaitu 8 jam untuk bekerja mendapatkan rezeki yang halal, 8 jam untuk belajar memperbaiki diri dan kehidupan dalam hubungan dengan Allah dan dengan manusia, dan 8 jam lagi untuk berehat dan berhibur untuk memulihkan kesihatan lahir dan batin.

Sesuai dengan anjuran itu, mudah-mudahan 24 jam kita pada hari ini, hari Ahad Keliwon, tanggal 3 Januari 1988 bersamaan dengan 13 Jamadil-awal 1408, telah kita gunakan kira-kira $4\frac{1}{2}$ jam [dari jam 0800 hingga 1230] iaitu kira-kira separuh daripada masa belajar kita telah kita manfaatkan dengan mengikuti seminar bahasa anjuran PGBM yang baru dilancarkan penubuhannya.

Masih berbaki $3\frac{1}{2}$ jam lagi waktu belajar kita hari ini yang belum kita gunakan. Alangkah baiknya jika baki waktu itu dapat kita manfaatkan untuk memikirkan apa yang telah kita bincangkan sepanjang masa seminar tadi; untuk mengutip mutiara ilmu yang telah dihamburkan menerusi seminar lalu menentukan prioritas dan kemudian memanfaatkannya sebagai kegiatan berterusan yang digarap sesuai dengan matlamat perjuangan PGBM mencapai objektif penubuhannya.

Apabila saya rasmikan penutupan pertemuan ini sebentar lagi, janganlah dianggap bahawa seminar ini sudah selesai; ia baru hanya selesai satu tahap sahaja iaitu tahap memikir dan merancang. Tahap menggarap pemikiran dan perancangan itu akan segera meminta tanggungjawab para aktivis PGBM selepas ini. Sebenarnya, inilah tahap terpenting bagi perjuangan PGBM mencapai matlamatnya!

Sebelum ini, sebelum seminar ini, pernah saya dengar: ada guru-guru yang berpandapat bahawa penubuhan PGBM ini akan merupakan kegiatan bertindan kerana mereka sudah punya KGMS [Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura]. Pada hemat saya: pendapat itu tidaklah tepat kerana KGMS itu ialah kesatuan sekerja yang tugasnya ialah memikirkan dan memelihara kebajikan dan kesejahteraan para anggotanya serta memperjuangkan hak para anggota itu sebagai pekerja; manakala PGBM ialah persatuan profesional [parsatuan karyawan] yang harus menumpukan kegiatannya memperkemas pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di negara ini.

Akhir-akhir ini ada saya dengar orang-orang mengatakan bahawa taraf bahasa Melayu di sini adalah rendah jika dibandingkan dengan bahasa Melayu di negara-negara jiran kita; tetapi apakah sebenarnya yang rendah [tarapnya sebagai suatu ilmunah yang rendah; pengetahuan orang tentang bahasa itukah yang rendah ataupun penggunaan bahasa itu yang rendah] belum ada orang yang membuktikannya dengan tepat atau terperinci.

Ada pula orang yang bimbang bahawa dengan melihat keadaan dan penghayatan bahasa itu di sini pada masa ini, mereka rasakan: dalam tempoh kira-kira 10 tahun lagi, orang Melayu sendiri akan menjadi kekok dan tidak berupaya menggunakan bahasa Melayu yang baik sebagai alat komunikasi ataupun sebagai alat pelahiran idea mereka!

Walaupun pendapat yang demikian itu tersebar secara rambang dan liar, namun saya rasa: ada baiknya jika PGBM akan mengambil perhatian yang berat terhadap kenyataan itu. PGBM boleh berusaha mendapatkan bukti kebenarannya dan jika didapati hal itu benar patutlah PGBM segera mencari penawarnya

supaya apa yang disangka dan dibayangkan itu tidak akan berlaku.

Menerusi pendidikan bahasa yang cukup kemas dan cekap dengan penanaman semangat dan sikap berbahasa yang cukup sedar diri dan bertanggungjawab, saya rasa, taraf bahasa Melayu di sini dapat dipertingkatkan dan penggunaannya akan dapat diteruskan sebagai satu kesinambungan yang wajar.

Dengan tertubuhnya PGBM ini maka terbukalah satu lagi lapangan khusus tempat guru-guru bahasa Melayu kita boleh membincangkan banyak masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah khususnya dan di masyarakat umum di Singapura ini umumnya.

Sebagai pertubuhan karyawan, pada hemat saya, PGBM tidak perlu mempunyai beribu-ribu orang anggota seperti kesatuan sekerja, kerana dalam kerja yang mengkhusus begini slogan "the more the merrier" tidaklah perlu. Yang perlu bagi PGBM ialah pelibatan yang menyeluruh dari semua pihak yang berkenaan dengan pengajaran bahasa Melayu itu iaitu guru-guru bahasa, pegawai-pegawai yang mengawasi pengajaran bahasa, penyedia kurikulum dan buku-buku teks dan beberapa orang perunding bahasa.

Barangkali kita boleh mengambil contoh seperti penubuhan Asas 50 dan Apad [pertubuhan sasterawan dan pelukis] yang bergiat dalam lapangan khusus yang tertentu. Asas 50 mempunyai anggota tak sampai 50 orang dengan yurannya 50 sen sebulan; kegiatannya tetap bergerak dan sumbangannya terhadap perkembangan kesesasteraan Melayu di sini tak dapat diperkecil sehingga ia masih terus bergiat selama 38 tahun!

Yang penting bagi PGBM bukanlah keanggotaan yang terlalu ramai tetapi ialah mutu anggota itu dalam hal pengajaran bahasa termasuk keikhlasan dan dedikasinya terhadap profesi itu.

Marilah kita berdoa mudah-mudahan PGBM berjaya mencapai matlamat perjuangannya dengan pimpinan pemimpin-pemimpinnya yang...